



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 18 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KOLABORATIF BANTU PETANI, NELAYAN JUAL HASIL DALAM TALIAN, SEL/KL, PERAK, KEDAH, P.PINANG, SH -20	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	PETANI DI PERAK LEGA, NASIONAL, SH -9	
3.	SERAMAI 27,871 PETANI TERIMA MANFAAT, NASIONAL, SH -9	
4.	LKIM JUAL IKAN COD, LOKAL, HM -8	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	NELAYAN JUAL IKAN DALAM TALIAN, NASIONAL, BH -21	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/4/2020	SINAR HARIAN	SEL/KL,PERAK, KEDAH,P.PINANG	20

## Kolaboratif bantu petani, nelayan jual hasil dalam talian

**KUALA LUMPUR** - Golongan petani dan nelayan bakal mendapat galakan daripada penjualan dalam talian melalui kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bersama Shopee.

Dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan, FAMA, LKIM, NEKMAT dan Shopee bekerjasama secara eksklusif untuk melancarkan kedai rasmi Agrobaazar\_FAMA dan NEKMAT di platform e-dagang itu untuk membolehkan hasil segar serta makanan laut dihantar terus kepada rakyat.

“Di kedai FAMA, pengguna dapat membeli pelbagai hasil pertanian manakala kedai NEKMAT pula menawarkan makanan laut segar beku dan produk yang di proses termasuk makanan ringan,” menurut kenyataan itu di sini semalam.

Dalam pada itu, kenyataan tersebut turut memaklumkan satu kempen Hasil Segar Shopee akan diadakan pada 20 hingga 21 April 2020 dari kedai rasmi FAMA di [https://shopee.com.my/agrobazaar\\_fama](https://shopee.com.my/agrobazaar_fama) dan NEKMAT di <https://shopee.com.my/nekmat.os>.



Yahansah (kanan), Norsyenti dan Timbalan Ponggahan FAMA Perak, Idris Tahir melihat buah betik yang dibeli daripada petani di pusat pengumpulan FAMA di Pusat Transformasi Luer Bandar (RTC) Perak, Gopeng.

## Petani di Perak lega

Skim AgroPrihatin berjaya elak lambakan hasil pertanian dan kehilangan pendapatan

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

**T**empoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan tempoh yang begitu mencabar. Justeru, kerajaan Perak menjadi negeri terawal tampil dengan pelbagai inisiatif untuk memastikan kebajikan rakyat dijaga dengan baik.

Antara inisiatif yang diumumkan ialah pemberian Bantuan Kotak Makanan, Skim Agro Prihatin Negeri Perak (AgroPrihatin), Bantuan Penjaja dan Peniaga Kecil, pengecualian bayaran balik beberapa pembayaran pinjaman usahawan serta pinjaman pendidikan.

Bagi golongan petani yang terjejas pendapatan, Skim AgroPrihatin sangat membantu ketika pembelian hasil tanaman mereka amat berkurangan sepanjang tempoh PKP.

Seorang petani, Mohd Erwan Khamsis, 32, berkata, tanaman kakrol, timun tua dan parval yang diusahakannya sukar dijual kerana banyak premis perniagaan tutup malah peraih juga mengambil dalam kuantiti sedikit.

Katanya, dengan penghasilan kira-kira 800 kilogram (kg) bagi sekali tuai, tanamannya sukar untuk dipasarkan namun inisiatif kerajaan memperkenalkan Skim AgroPrihatin yang dilancarkan 6 April lalu menyelamatkan petani daripada kehilangan sumber pendapatan ketika tempoh PKP.

"Sumber pendapatan saya hanya hasil pertanian. Bila tak boleh nak jual memang risau sebab tak ada pendapatan. Mujurlah kerajaan negeri buat skim ini dan saya tak risau nak teruskan menanam," katanya kepada *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Seorang lagi petani, M Jegathesan, 30, pula berkata, Skim

AgroPrihatin yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri melegakan petani dan berbaloi.

Katanya, selama ini terdapat segelintir petani tidak yakin Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tetapi agensi itu sepatutnya menjadi pilihan utama mereka untuk memasarkan hasil dan bukan dijual kepada orang tengah.

"Saya bersyukur sangat dengan inisiatif kerajaan negeri ini kerana skim ini memang menyelamatkan kami daripada kerugian," katanya.

Menurutnya, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dianggap sebagai hero kerana Skim AgroPrihatin yang dilancarkan 6 April lalu menyelamatkan petani daripada kehilangan sumber pendapatan ketika tempoh PKP.

Sementara itu, usaha kerajaan negeri menerusi Jabatan Kesihatan Perak dalam mengekang penularan wabak Covid-19 turut membuatkan hasil apabila tiga daerah iaitu Kampar, Muallim dan Kuala Kangsar kini bebas jangkitan wabak itu sejak dua minggu lalu.

## Seramai 27,871 petani terima manfaat

SEHINGGA 15 April lalu, seramai 27,871 petani di Perak mendapat manfaat hasil pelaksanaan Skim AgroPrihatin.

Ketua Pegawai Eksekutif PPPNP, Yahansah Yahya berkata, daripada RM1 juta yang diperuntukkan, RM350,000 digunakan untuk membeli hasil tanaman petani yang tidak terjual.

Menurutnya, pelaksanaan skim itu turut mendapat sokongan kuat Jabatan Pertanian Perak dan FAMA Perak.

"Setakat ini RM350,000 iaitu kira-

200 tan buah-buahan dan sayur-sayuran dibeli oleh PPPNP. Kita beli hasil yang tidak terjual kerana pemborong masih membeli namun bukan dalam kuantiti sebelum ini," katanya.

Yahansah berkata, kesemua hasil yang dibeli bukan sahaja dijual semula kepada peraih atau pemborong tetapi turut dihantar ke dapur berpusat Ipoh untuk menyediakan makanan kepada petugas barisan hadapan, selain diberikan secara percuma kepada rakyat memerlukan.

Sementara itu, Pengurus Pertubuh-

an Peladang Kawasan (PPK) Hutan Melintang, Datuk Khalruddin Tarmizi berkata, pelaksanaan Skim AgroPrihatin itu ternyata melegakan ahli-ahli PPK.

Katanya, di Hutan Melintang dan Bagan Datuk berlaku lambakan kelapa sepanjang PKP menyebabkan pokok kecil hilang sumber pendapatan.

"Dengan adanya skim ini, pokok kecil di sekitar daerah Bagan Datuk masih boleh menjual kelapa mereka kepada FAMA.

"Terima kasih kepada Menteri Besar Perak atas usaha melaksanakan skim ini," katanya.

Penggaris Pertanian Perak, Norsyenti Othman berkata, semua pengusaha pertanian di Perak perlu memanfaatkan Skim AgroPrihatin kerana petani di negeri lain cemburu dengan usaha dilakukan oleh kerajaan Perak.

Beliau berkata, petani yang ada lebihan tanaman tidak terjual boleh berhubung dengan PPPNP, Jabatan Pertanian Perak dan FAMA Perak.



# LKIM jual ikan COD

**Kuala Lumpur:** Bagi memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan ikan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperkenalkan inisiatif jualan ikan secara terus ke rumah melalui pembayaran tunai semasa serahan (COD) di seluruh negara.

Ketua Pengarah LKIM, Raja Khalid Raja Ariffin dalam satu kenyataan di sini, semalam berkata inisiatif jualan ikan itu digerakkan dengan kerjasama 44 persatuan nelayan seluruh negara di bawah Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).

Beliau berkata, orang ramai berminat boleh membuat tempahan ikan secara dalam talian menerusi [www.nekmatbiz.com.my](http://www.nekmatbiz.com.my).

“Inisiatif memasarkan ikan secara terus kepada pengguna diharap dapat membendung kesesakan di pasar dan penularan wabak Covid-19.

“Saya menyeru orang ramai jangan membeli ikan secara panik kerana bekalan ikan masih mencukupi dan pengguna harus mempraktikkan jarak sosial dan menjaga kebersihan diri sewaktu berkunjung ke Pasar Nelayan atau Pasar Segar Terkawal (PST),” katanya.

Nelayan jual ikan dalam talian

Pengguna bayar secara tunai ketika terima pesanan

**Kuala Lumpur:** Bagi memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan ikan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperkenalkan inisiatif jualan ikan secara terus ke rumah melaui pemasaran tunai ketika seraahan COD.

Ketua Pengarah LKIM, Raja Khalid Raja Ariffin, berkata ini statif jualan ikan itu digerakkan di seluruh negara. Dengan hasil kerjasama membentuk 44 persatuan nelayan sepanjang pantai di seluruh negara di bawah Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT). Beliau berkata orang ramai

"Inisiatif memasarkan ikan secara terus kepada pengguna diantara orang ramai ini boleh membantu mengurangkan pemborosan makanan dan mengurangkan pencemaran laut," katanya.

A vertical photograph of a vibrant, abstract painting. The composition is filled with a variety of colors, including deep blues, bright reds, and yellows, along with black and white. The painting uses thick, expressive brushstrokes and some textured, layered elements. It appears to be a modern or contemporary piece, possibly an oil or acrylic on canvas.

inisiatif memasarkan ikan secara terus kepada pengguna diharap dapat membentuk kesekitan di pasar.

jaga kebersihan diri ketika ber-kasi Shopee dan selesaikan ini pen-  
kunjung ke Pasar Nelayan ma- gmina boleh bermain demikian  
nukan di pasar, sekali gus me- CO.

"Orang ramai diminta tidak membeli ikan secara panik kerana bekalan ikan masih mencukupi dan pengguna harus mempraktikkan jarak sosial dan menjauhkan diri dari orang lain," katanya.

Raja Khalid berkata, LKIM juga akan memulakan inisiatif baharu dalam memasarkan jualan ikan dalam talian, iaitu melalui aplikasi "Pasar Segar Terkawal (PSG)," katanya.

Sementara itu, Raja Khalid berkata, bekalan ikan masih mencukupi sepanjang PKP dengan stok dalam pasaran kini sebanyak 185,000 tan berbanding kepada

A vertical close-up of a vibrant, abstract painting. The composition includes a red airplane flying over a blue boat on the water. The artwork uses a palette of red, blue, white, and black, with expressive brushstrokes and a textured surface.

Inisiatif memasarkan ikan secara terus kepada pengguna diharap dapat membendung kesesakan di pasar. (Foto hiasan)

"Orang ramai diminta tidak membeli ikan secara panik kerana bekalan ikan masih mencukupi dan pengguna harus mempraktikkan jarak sosial dan menjauhkan diri dari orang lain," katanya.

Raja Khalid berkata, LKIM juga akan memulakan inisiatif baharu dalam memastarkan jualan ikan dalam talian, iaitu melalui aplikasi "Pasar Segar Terkawal (PSG)," katanya.

Sementara itu, Raja Khalid berkata, bekalan ikan masih mencukupi sepanjang PKP dengan stok dalam pasaran kini sebanyak 185,000 tan berbanding keperlu-

semasa 155,000 tan sebulan. Sepanjang PKP juga, 64 pasar melayan LKIM di seluruh Mala-  
ysia masih beroperasi seperti biasa mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.  
"Semua pasar melayan ini be-

Raja Khaidir berkata, sepanjang PKP dilaksana, pasar nelayan mencatat jumlah pengunjung semarak 62,887 orang dengan hasil jualan RM2.55 juta. BERNAMA